



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXXI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 2 JULAI 2026

[No. 30

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK ZAINUDIN BIN AMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 217

[No. JPBN. 100-35/3 JLD.5

ENAKMEN CETAKAN SEMULA UNDANG -UNDANG 1967

(Enakmen No. 6 Tahun 1967)

PEMBERITAHUAN CETAKAN SEMULA

Menurut seksyen 6 Enakmen Cetakan Semula Undang-Undang 1967, adalah dengan ini diberitahu untuk makluman umum bahawa undang-undang yang dinyatakan di bawah telah dicetak semula:

1. Land Ordinance [*Cap. 68*]
2. Land Rules [*G.N.S. 505 of 1930*]
3. Land (Temporary Planting Permit) Rules [*G.N.S. 125 of 1948*]
4. Rent Revision Rules 1958 [*G.N.S. 47 of 1958*]

Bertarikh 30 Jun 2026.

WARAVIA BINTI BADRI,
Pesuruhjaya Cetakan Undang-Undang Sabah.

REPRINT OF LAWS ENACTMENT 1967

(Enactment No. 6 of 1967)

NOTIFICATION OF REPRINT

Pursuant to section 6 of the Reprint of Laws Enactment 1967, it is hereby notified for general information that the laws specified below have now been reprinted.

1. Land Ordinance [*Cap. 68*]
2. Land Rules [*G.N.S. 505 of 1930*]
3. Land (Temporary Planting Permit) Rules [*G.N.S. 125 of 1948*]
4. Rent Revision Rules 1958 [*G.N.S. 47 of 1958*]

Dated 30 June 2026.

WARAVIA BINTI BADRI,
Commissioner of Law Reprint Sabah.

No. 218

[No. JKM(S)100-10/16 JLD. 5(51)]

ENAKMEN FATWA 2004
(Enakmen No. 8 Tahun 2004)

Atas kehendak Seksyen 8(4) dan (6) Enakmen Fatwa (Pindaan) 1, 2023, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dengan ini memperkenalkan keputusan yang telah disediakan oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah Tahun 2023 - 2025 mengenai:

- (i) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Penyelewengan Fahaman Yang Dibawa Oleh Suhaini bin Mohammad (Sohai Ibnu Muhammad)”;
- (ii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Hukum Sembahyang Jumaat Tanpa Kebenaran Daripada Pemerintah”;
- (iii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Kedudukan Kumpulan Pemuda Kahfi atau Ajaran Bina Negara Islam Ma’had Al-Zaytun”;
- (iv) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Isu Penggunaan Kalimah Allah Oleh Orang Bukan Islam di Negeri Sabah”;
- (v) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem”;
- (vi) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Hukum Kutipan Zakat Oleh Pihak Lain yang Bukan Lantikan Negeri Sabah”;
- (vii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Hukum Tidak Meletakkan “bin” dan “binti” dalam Pendaftaran Kelahiran Anak”;

- (viii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Hukum Berkenaan Cadangan Kaedah Penilaian Zakat Tabung Unit Amanah ASNB”;
- (ix) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Cadangan Pelaksanaan Zakat Perniagaan Oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Akaun Patuh Syariah KWSP (Simpanan Syariah)”;
- (x) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Hukum Wasiat dan Hibah Kepada Ahli Waris Bukan Islam”;
- (xi) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Pindaan Garis Panduan Penamaan Saudara Baharu”.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“PENYELEWENGAN FAHAMAN YANG DIBAWA OLEH SUHAINI
BIN MOHAMMAD (SOHAI IBNU MUHAMMAD)”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2023 telah bersidang pada 27 dan 28 November 2023M/13 dan 14 Jamadilawal 1445H bertempat di Bilik VIP 1, Bilik Clearwater, Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak bagi membincangkan mengenai “Penyelewengan Fahaman yang Dibawa Oleh Suhaini bin Mohammad (Sohai Ibnu Muhammad)” dan telah bersetuju untuk menyiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.
2. Unsur-unsur penyelewengan tersebut, antaranya adalah seperti yang berikut:
 - i. Allah itu adalah Nabi Muhammad;
 - ii. Nabi Muhammad tidak diperanakan dan tidak dilahirkan;
 - iii. Nabi Muhammad SAW adalah induk (*Ummi*), dan semua makhluk adalah cahaya Nur Baginda yang diseru Allah kepadanya; dan
 - iv. Nabi Muhammad adalah pemegang pangkat bagi Allah, sebab itulah Nabi Muhammad tiada kemaluan.
3. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpul melalui pertubuhan, persatuan, syarikat dan seumpamanya sama ada berdaftar atau tidak:
 - i. hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan dilarang berpegang kepadanya, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikutnya.

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

- ii. tidak boleh memiliki, menyimpan, menjual, memuat naik, memuat turun, menyebarkan, mengedarkan, menggantungkan atau menerbitkan apa-apa poster, buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dalam apa-apa bentuk keluaran atau ulang cetak, termasuklah apa-apa rakaman audio, rakaman visual, laman sesawang, bahan kecerdasan buatan (AI), media cetak atau media elektronik yang mengandungi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1. Larangan ini hendaklah dibaca selaras dengan tafsiran mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.
 - iii. dilarang daripada bersubahat melakukan mana-mana perkara dalam perenggan 2.
4. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan ajaran ini atau yang seumpama dengannya wajib bertaubat kepada Allah SWT dan meninggalkan ajaran tersebut dengan segera.
 5. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang terlibat dengan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“HUKUM SEMBAHYANG JUMAAT TANPA KEBENARAN
DARIPADA PEMERINTAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2023 telah bersidang pada 27 dan 28 November 2023M/13 dan 14 Jamadilawal 1445H bertempat di Bilik VIP 1, Bilik Clearwater, Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak bagi membincangkan mengenai “Hukum Sembahyang Jumaat Tanpa Kebenaran” dan telah bersetuju untuk menyiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Sembahyang Jumaat adalah fardu ain bagi setiap umat Islam yang mukallaf dan berdosa sekiranya ia meninggalkan sembahyang tanpa keuzuran yang ditetapkan oleh syarak.
2. Sembahyang Jumaat hanya dikira sah sekiranya seseorang itu telah memenuhi syarat wajib dan syarat sah sembahyang Jumaat.
3. Sembahyang Jumaat yang didirikan tanpa kebenaran pemerintah adalah tidak sah berasaskan perkara berikut.

- i. Suruhan Allah SWT agar mentaati pemerintah iaitu surah al-Nisa', ayat 59 yang bermaksud: “*Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.*”

- ii. Kaedah-Kaedah fiqah antaranya:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: *Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada masalah terhadap rakyat.*

- iii. *Sadd Zarā'i* (سد الذرائع) iaitu menutup pintu-pintu atau jalan-jalan yang boleh membawa kepada perkara yang tidak dibenarkan syarak.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“KEDUDUKAN KUMPULAN PEMUDA KAHFI ATAU AJARAN BINA
NEGARA ISLAM MA’HAD AL-ZAYTUN”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2023 telah bersidang pada 13 dan 14 Disember 2023M/29 Jamadilawal dan 1 Jamadilakhir 1445H bertempat di Bilik Seri Beringgis, Hotel Raia, Kota Kinabalu bagi membincangkan mengenai “Kedudukan Kumpulan Pemuda Kahfi atau Ajaran Bina Negara Islam Ma’had Al-Zaytun” dan telah bersetuju untuk menyiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Sabah bahawa:

1. Kumpulan Pemuda Kahfi atau Ajaran Bina Negara Islam Ma’had Al-Zaytun yang dipimpin oleh Abdussalam Rasyidi yang dikenali sebagai Panji Gumilang adalah sesat dan menyesatkan serta bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

2. Unsur-unsur penyelewengan tersebut, antaranya adalah seperti yang berikut:

2.1 Dalam aspek akidah:

- i. memberi definisi konsep tauhid *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *Ubudiyyah* sebagaimana yang berikut:
 - a. Tauhid *Rububiyyah* ditafsir sebagai undang-undang.
 - b. Tauhid *Mulkiyyah* ditafsir sebagai negara.
 - a. Tauhid *Uluhiyyah* sebagai umat.
- ii. mengkafirkan kumpulan selain mereka dan orang Islam yang tidak mengikut kumpulan itu dianggap tidak sah keIslamannya.

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

- iii. menggunakan ayat Al-Quran dengan tafsiran mengikut keperluan kumpulan mereka.
- 2.2 Dalam aspek syariat:
- i. ibadah korban ke atas haiwan ternakan hanya sekadar lambang sahaja.
 - ii. mendakwa Rasulullah SAW membina Negara Madinah hasil dari dana zakat fitrah.
 - iii. dosa berzina dan maksiat dapat dihapuskan dengan membayar sejumlah wang.
3. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan, syarikat dan seumpamanya sama ada berdaftar atau tidak:
- i. hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan dilarang berpegang kepadanya, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikutnya.
 - ii. tidak boleh memiliki, menyimpan, menjual, memuat naik, memuat turun, menyebarkan, mengedarkan, menggantungkan atau menerbitkan apa-apa poster, buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dalam apa-apa bentuk keluaran atau ulang cetak, termasuklah apa-apa rakaman audio, rakaman visual, laman sesawang, bahan kecerdasan buatan (AI), media cetak atau media elektronik yang mengandungi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1. Larangan ini hendaklah dibaca selaras dengan tafsiran mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.
 - iii. dilarang daripada bersubahat melakukan mana-mana perkara dalam perenggan 2.
4. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan ajaran ini atau yang seumpama dengannya wajib bertaubat kepada Allah SWT dan meninggalkan ajaran tersebut dengan segera.
5. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang terlibat dengan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“ISU PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH ORANG BUKAN
ISLAM DI NEGERI SABAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2024 telah bersidang pada 17-18 Julai 2024M bersamaan dengan 11-12 Muharam 1446H bertempat di Luyang Room, Horizon Hotel Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai “Isu Penggunaan Kalimah Allah Oleh Orang Bukan Islam di Negeri Sabah” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Negeri Sabah* bahawa:

Bagi Negeri Sabah, penggunaan kalimah “Allah” hendaklah dikawal selia oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa di Sabah berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa bagi mengelakkan kekeliruan kepada orang Islam dan memelihara kesucian agama Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“AJARAN MHD MOHIB KHOULI NAZEM”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2025 telah bersidang pada 14-16 Mei 2025 bersamaan dengan 16-18 Zulkaedah 1446H bertempat di Le Meridien Hotel Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai “Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Ajaran yang dibawa oleh Mhd Mohib Khouli Nazem adalah sesat dan menyeleweng daripada akidah Islamiah, syariah dan akhlak serta bercanggah dengan pegangan *Ahli Sunnah Waljamaah*.
2. Antara ciri-ciri penyelewengan yang dinyatakan oleh Mhd Mohib Khouli Nazem adalah:
 - i. mendakwa bahawa Allah SWT harus mempunyai anak;
 - ii. mendakwa bahawa Allah SWT seolah-olah mempunyai sifat dan jisim yang sama seperti makhluk;
 - iii. menyesatkan pegangan *Ahli Sunnah Waljamaah* yang berpegang kepada manhaj al-Asyairah dan al-Maturidiah dalam mentakwil ayat sifat Allah SWT seperti *Istiwa, Wajh, Yad* dan seumpamanya sebagai sesat sebagaimana ajaran Muktaizilah dan Jahmiyyah;
 - iv. mendakwa bahawa akidah al-Asyairah telah terkeluar daripada ajaran agama Islam sebenar;

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

- v. mendakwa bahawa akidah para ulama *Ahli Sunnah Waljamaah* seperti Imam Al-Ash'ari, Imam al-Syahrastani, Imam al-Ghazali, Imam Fakhruddin al-Razi, Imam Izzuddin Ibn Abd al-Salam dan Imam al-Nawawi mempunyai pegangan yang sama dengan akidah golongan Jahmiyyah yang sesat;
 - vi. mendakwa bahawa Imam Abu Hanifah mati dalam keadaan kekufuran; dan
 - iv. mendakwa bahawa tidak sah solat di belakang imam yang berpegang dengan akidah al-Asyairah. Sekiranya solat Jumaat di belakang imam yang bermazhab al-Asyairah maka solatnya hendaklah diulang dengan solat Zuhur.
3. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan, syarikat dan seumpamanya sama ada berdaftar atau tidak:
- i. hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan dilarang berpegang kepadanya, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikutnya.
 - ii. tidak boleh memiliki, menyimpan, menjual, memuat naik, memuat turun, menyebarkan, mengedarkan, menggantungkan atau menerbitkan apa-apa poster, buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dalam apa-apa bentuk keluaran atau ulang cetak, termasuklah apa-apa rakaman audio, rakaman visual, laman sesawang, bahan kecerdasan buatan (AI), media cetak atau media elektronik yang mengandungi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1. Larangan ini hendaklah dibaca selaras dengan tafsiran mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.
 - iii. dilarang daripada bersubahat melakukan mana-mana perkara dalam perenggan 2.
4. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan ajaran ini atau yang seumpama dengannya wajib bertaubat kepada Allah SWT dan meninggalkan ajaran tersebut dengan segera.
5. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang terlibat dengan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“HUKUM KUTIPAN ZAKAT OLEH PIHAK LAIN
YANG BUKAN LANTIKAN NEGERI SABAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2025 telah bersidang pada 14-16 Mei 2025 bersamaan dengan 16-18 Zulkaedah 1446H bertempat di Le Meridien Hotel Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai “Hukum Kutipan Zakat Oleh Pihak Lain yang Bukan Lantikan Negeri Sabah” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Sebarang kutipan zakat yang dibuat oleh amil, wakil amil atau ejen yang bukan lantikan Majlis Ugama Islam Negeri Sabah di negeri ini adalah dilarang dan tidak sah.
2. Hukum membayar zakat kepada pihak yang tidak dilantik sebagai amil, wakil amil atau ejen di Negeri Sabah adalah haram dan tidak sah.
3. Mana-mana orang, pertubuhan atau institusi bukan lantikan Majlis Ugama Islam Negeri Sabah yang mengutip zakat di negeri ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“HUKUM TIDAK MELETAKKAN “BIN” DAN “BINTI”
DALAM PENDAFTARAN KELAHIRAN ANAK”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2025 telah bersidang pada 16-18 Disember 2025 bersamaan dengan 25-27 Jamadilakhir 1447H bertempat di Hotel Pan Borneo, Putatan, Sabah bagi membincangkan mengenai “Hukum Tidak Meletakkan “bin” dan “binti” dalam Pendaftaran Kelahiran Anak” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Nasab berperanan penting dalam memelihara struktur keluarga, memastikan susur galur keturunan serta menjamin hak pewarisan harta pusaka dan keabsahan perkahwinan.
2. Penggunaan “bin” dan “binti” dalam sistem pendaftaran kelahiran bagi masyarakat Muslim di Malaysia bukan sekadar adat malahan satu prinsip yang diiktiraf dalam syarak untuk menjaga keharmonian masyarakat.
3. Penghapusan sandaran nasab dalam pendaftaran nama anak berpotensi membuka ruang kepada penyalahgunaan identiti, pemalsuan dokumen, penipuan kewarganegaraan serta merosakkan institusi kekeluargaan sekali gus mengancam kestabilan sosial dan keselamatan negara.

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

4. Jabaran Pendaftaran Negara perlu menyediakan satu garis panduan khusus yang menekankan kewajipan sandaran nasab dengan penggunaan “bin” dan “binti” bagi mengekang trend penghapusan nasab daripada terus berleluasa.
5. Ibu bapa hendaklah meletakkan “bin” dan “binti” dalam pendaftaran kelahiran anak.
6. Tiada keperluan mendesak untuk menghilangkan “bin” dan “binti” pada nama seseorang kerana kaedah fiqh ada menyebutkan bahawa setiap tindakan pemerintah terhadap rakyat mestilah berasaskan maslahat mereka.

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: *Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada maslahat terhadap rakyat.*

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“HUKUM BERKENAAN CADANGAN KAEDAH PENILAIAN
ZAKAT TABUNG UNIT AMANAH ASNB”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2025 telah bersidang pada 16-18 Disember 2025 bersamaan dengan 25-27 Jamadilakhir 1447H bertempat di Hotel Pan Borneo, Putatan, Sabah bagi membincangkan mengenai “Hukum Berkenaan Cadangan Kaedah Penilaian Zakat Tabung Unit Amanah ASNB” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Kaedah penilaian zakat tabung unit Amanah ASNB mengguna pakai kaedah *al-Mustaghallāt* kepada tabung unit Amanah ASNB berharga tetap sahaja iaitu penilaian zakat ke atas pengagihan pendapatan atau dividen dan bukannya ke atas prinsipal atau modal pelaburan;
2. Penilaian zakat *al-Mustaghallāt* adalah secara *khultah* (kolektif) untuk semua tabung unit Amanah ASNB yang berharga tetap sahaja. Jumlah zakat akan dikira berdasarkan jumlah pengagihan pendapatan secara kolektif; dan
3. ASNB diharuskan membayar zakat bagi pihak pelabur dengan izin pelabur.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“CADANGAN PELAKSANAAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH
LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)
BAGI AKAUN PATUH SYARIAH KWSP (SIMPANAN SYARIAH)”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2025 telah bersidang pada 16-18 Disember 2025 bersamaan dengan 25-27 Jamadilakhir 1447H bertempat di Hotel Pan Borneo, Putatan, Sabah bagi membincangkan mengenai “Cadangan Pelaksanaan Zakat Perniagaan Oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Akaun Patuh Syariah KWSP (Simpanan Syariah)” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Akaun simpanan syariah memenuhi kewajipan pembayaran zakat secara tahunan kerana mempunyai ciri-ciri milikan sempurna (*al-milk at-tām*) dan pencarum mempunyai hak untuk bertransaksi (*haq at-tasarruf*) dengan memberikan wakalah kepada Lembaga KWSP;
2. Kewajipan zakat akaun simpanan syariah adalah berdasarkan zakat perniagaan;
3. Harus bagi Lembaga KWSP menguruskan pembayaran zakat perniagaan bagi pihak pencarum; dan
4. Agihan zakat perniagaan hendaklah berdasarkan kepada tempat bekerja pencarum mengikut negeri masing-masing.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“HUKUM WASIAT DAN HIBAH KEPADA AHLI
WARIS BUKAN ISLAM”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2025 telah bersidang pada 16-18 Disember 2025 bersamaan dengan 25-27 Jamadilakhir 1447H bertempat di Hotel Pan Borneo, Putatan, Sabah bagi membincangkan mengenai “Hukum Wasiat dan Hibah Kepada Ahli Waris Bukan Islam” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

1. Hibah dan wasiat merupakan instrumen sah di sisi syarak yang membolehkan pemberi memindahkan milikan hartanya kepada sesiapa sahaja, termasuk orang bukan Islam.
2. Larangan pewarisan antara Muslim dan orang bukan Islam tidak menjejaskan hukum hibah dan wasiat.

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

3. Hibah kepada orang bukan Islam adalah harus, selagi ia dibuat:
 - i. ketika pemberi masih hidup;
 - ii. dengan kerelaan penuh;
 - iii. melalui akad yang sah;
 - iv. tanpa bertujuan maksiat; dan
 - v. diserahkan secara nyata (*qabad*).
4. Wasiat kepada orang bukan Islam adalah harus dengan kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta yang ditinggalkannya.
5. Hibah dan wasiat merupakan mekanisme paling sesuai bagi menjaga kebajikan keluarga bukan Islam yang tidak berhak mewarisi melalui faraid.
6. Pemberian melalui hibah dan wasiat dapat mengurangkan konflik keluarga, salah faham dan pertikaian undang-undang.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“PINDAAN GARIS PANDUAN PENAMAAN SAUDARA BARU”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2025 telah bersidang pada 16-18 Disember 2025 bersamaan dengan 25-27 Jamadilakhir 1447H bertempat di Hotel Pan Borneo, Putatan, Sabah bagi membincangkan mengenai “Pindaan Garis Panduan Penamaan Saudara Baru” dan telah bersetuju untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan Negeri Sabah* bahawa:

Mesyuarat bersetuju dengan garis panduan yang dikemukakan dengan pindaan.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

PINDAAN GARIS PANDUAN PENAMAAN SAUDARA BAHARU

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah bertujuan dijadikan rujukan kepada individu, institusi atau agensi yang berkaitan berhubung penamaan atau pendaftaran nama bagi orang yang memeluk agama Islam.
- 1.2 Apabila seseorang mualaf memeluk Islam, ada di antara mereka yang memilih nama baru yang bersifat Islamik sebagai suatu simbolik kepada perubahan diri yang mereka alami dan sebagai penegasan kepada identiti Muslim yang baru pada diri mereka. Memandangkan pertukaran nama ini bukanlah suatu kewajipan di sisi undang-undang, pertukaran nama dianggap penting bagi mengisytiharkan pemelukan Islam kerana bentuk nama yang tidak identikal dengan penganut agama Islam dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan.
- 1.3 Syariat Islam menekankan soal penggunaan nama yang bermaksud baik. Nama menjadi bentuk pengisytiharan identiti diri seseorang sebagai Islam, pengagungan terhadap syiar agama, hiasan dan pakaian buat bayi yang baru dilahirkan dan individu yang baru memeluk agama Islam.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Nama orang Islam dan bukan Islam adalah berbeza. Ia merupakan pengenalan diri seseorang, sama ada dari segi bangsa, keturunan dan agamanya ditukarkan kepada satu nama yang membuktikan agama baru yang dianutinya.
- 2.2 Penamaan adalah penting khususnya kepada saudara baharu bagi memudahkan dalam urusan kehidupan ataupun kematian. Syariat Islam menekankan soal penggunaan nama yang bermaksud baik. Nama menjadi bentuk pengisytiharan identiti diri seseorang sebagai Islam, pengagungan terhadap syiar agama, hiasan dan pakaian buat bayi yang baru dilahirkan dan individu yang baru memeluk agama Islam.

3.0 TAKRIF

3.1 “Mualaf/Saudara baharu/Saudara Muslim”

- (i) Mualaf di dalam Kamus Dewan bermaksud orang baru memeluk Islam atau saudara baharu. (*Kamus Dewan Edisi Keempat 2010*). (*Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 1046*)

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

- (ii) Majoriti negeri-negeri di Malaysia mentafsirkan golongan mualaf sebagai seseorang yang baru memeluk agama Islam. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, elemen-elemen yang perlu diambil kira untuk mengesahkan pengislaman seseorang adalah dengan mengucap dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara jelas, dalam keadaan sedar dan dengan kerelaan hati sendiri, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak untuk memeluk agama Islam. Namun terdapat beberapa negeri yang tidak memberi pentafsiran khusus kepada istilah mualaf, iaitu negeri Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan, Sabah dan Sarawak. (*Analisis Pentafsiran Mualaf Menurut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia, 2018*). (*Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*).
- (iii) Mualaf atau disebut juga sebagai saudara baharu atau saudara Muslim merupakan mereka yang telah bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Penggunaan istilah ‘saudara Muslim’ lebih selesa dan mesra serta mendekatkan mereka dengan masyarakat Muslim yang lain dan tidak merasakan adanya jurang perbezaan antara mereka yang baru memeluk Islam dengan mereka yang telah lama memeluk Islam. (*Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali & Siti Nurunnajwa binti Shamsuddin, 2015*). (*Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia*). (*Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*).

3.2 “Bumiputera”

Penduduk asal sesuatu tempat, contohnya seperti di Tanah Melayu. Golongan yang dikira sebagai bumiputera menurut undang-undang adalah semua suku kaum Orang Asli dan Melayu (menurut takrifan Perlembagaan Malaysia), peribumi Sabah dan peribumi Sarawak.

3.3 “Bukan Bumiputera”

Orang berketurunan India, Cina dan lain-lain bangsa.

4.0 TATACARA PENAMAAN

- 4.1 Seseorang yang memeluk Islam boleh mengekalkan nama asalnya yang memberi maksud yang baik dan dibin atau dibintikan kepada nama bapanya.
- 4.2 Seseorang yang memeluk Islam tidak dibenarkan untuk dibin atau dibintikan kepada nama bapanya sekiranya ia berstatus anak tidak sah taraf atau anak angkat.
- 4.3 Penamaan saudara baharu boleh dikategorikan kepada dua:

(a) Penamaan Saudara Baharu Bumiputera

Seseorang yang memeluk Islam perlu atau boleh:

- (i) Menukarkan nama asalnya yang mengandungi maksud yang tidak baik atau lucu kepada nama yang memberi maksud yang baik. Contoh nama yang tidak baik dan lucu: Pantat bin Man;
- (ii) Mengekalkan nama bapanya dengan dibin atau dibintikan kepada nama bapanya itu. Contoh: Mohamad bin Ngat;
- (iii) Mengekalkan nama asalnya sebelum memeluk Islam atau bapanya yang berunsur kemelayuan atau kearaban yang memberi maksud yang baik dan hendaklah dibin atau dibintikan kepada nama bapanya. Contoh: Majid bin Suhut, Saad bin Manan, Ghani bin Don atau Bujang bin Yot; dan
- (iv) Menukarkan namanya dengan nama baru dan dibin atau bintikan kepada al-Asma al-Husna yang berpangkal Abdul. (Seperti di Lampiran A)

(b) Penamaan Saudara Baharu Bukan Bumiputera

- (i) Seseorang saudara baharu dibenarkan untuk menukar keseluruhan namanya kepada nama Islam. Contoh: Tan Sun Hai ditukar kepada Ahmad bin Abdullah. Walau bagaimanapun adalah digalakkan untuk mengekalkan sebahagian nama asal contoh: Ahmad Tan Sun Hai atau Ahmad Tan bin Abdullah.
- (ii) Seseorang saudara baharu boleh membuat pilihan sekiranya beliau ingin mengekalkan nama keluarga di samping nama baru dan dibin atau dibintikan kepada al-Asma al-Husna yang berpangkal Abdul. Contoh: Lee Ping San ditukar kepada Mohd Arif Lee bin Abdullah.
- (iii) Nama keluarga boleh digunakan oleh saudara baharu dan generasi seterusnya iaitu anak kepada saudara baharu. Contoh: Mohd. Arif Lee bin Abdullah dan anaknya Ali bin Mohd. Arif Lee.
- (iv) Menamakan dengan nama baru boleh diikuti dengan nama asalnya dan dibin atau dibintikan kepada al-Asma al-Husna yang berpangkal Abdul. Contoh: Tajuddin Balakrishnan bin Abdullah.
- (v) Mana-mana nama asal bagi seseorang sebelum dia memeluk Islam yang membawa maksud nama-nama Tuhan agama asalnya tidak boleh digunakan. Contoh: Siva, Murugan dan lain-lain. (Seperti di Lampiran B)

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)

- (vi) Pemilihan nama yang dikehendaki mestilah tidak melebihi 80 aksara (80 huruf) di dalam Kad Pengenalan seperti yang ditentukan oleh JPN. Sekiranya ejaan nama melebihi 80 aksara, maka pemohon akan diberi pilihan untuk mengekalkan nama barunya tanpa mengugurkan nama asalnya dalam Kad Pengenalan.

Nama penuh seperti yang telah diluluskan akan dimasukkan dalam Kad Pengesahan Nama (KPN). Pemohon akan memegang tiga (3) dokumen pengenalan diri iaitu Kad Pengenalan, Kad Pengesahan Nama dan Kad Memeluk Islam yang semuanya mencatatkan nombor Kad Pengenalan yang sama.

Oleh yang demikian, adakalanya nama yang dicadangkan oleh mana-mana institusi atau agensi tidak dapat dimasukkan sepenuhnya dalam Kad Pengenalan kerana dasar-dasar tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh JPN.

(Tambahan)

5.0 PINDAAN BUTIRAN NAMA DAN AGAMA DALAM KAD PENGENALAN

5.1 Seseorang yang didaftarkan di bawah Peraturan 14, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang:

- (i) menukarkan namanya;
- (ii) menukarkan agamanya;
- (iii) memperoleh kewarganegaraan Malaysia atau dilucutkan kewarganegaraan Malaysia; atau
- (iv) ada dalam miliknya Kad Pengenalan yang mengandungi butir-butir yang pada pengetahuannya adalah tidak betul hendaklah segera membuat pindaan butiran dalam Kad Pengenalan ke pejabat pendaftaran yang terdekat dan memohon Kad Pengenalan gantian dengan mengandungi butir-butir yang betul.

(Tambahan)

6.0 SYARAT PERMOHONAN

- (i) Pemohon mestilah hadir di mana-mana kaunter (JPN);
- (ii) Pemohon telah memiliki Kad Pengenalan;
- (iii) Pemohon yang belum memiliki Kad Pengenalan tidak layak memohon; dan
- (iv) Mengisi Borang JPN.KP16.

(Tambahan)

7.0 DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN (ASAL DAN SALINAN)

- (i) Kad pengenalan pemohon;
- (ii) Sijil kelahiran pemohon;
- (iii) Kad Memeluk Agama Islam atau Surat Pengesahan Memeluk Agama Islam; dan
- (iv) Surat Akuan Berkanun (jika pemohon berumur kurang 18 tahun, Akuan Berkanun hendaklah dibuat oleh ibu atau bapa atau *penjaga. (*Penjaga adalah datuk atau nenek ibu saudara atau bapa saudara atau kakak atau abang yang berusia melebihi 21 tahun).

(Tambahan)

8.0 DOKUMEN SOKONGAN LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PERMOHONAN

Bil.	Jenis-Jenis Permohonan	Dokumen Sokongan
1.	Pertukaran nama dan/atau agama kepada agama Islam	Kad/sijil/surat pengesahan memeluk agama Islam di dalam negara atau surat pengesahan dari Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri jika memeluk Islam di luar negara
2.	Pertukaran nama kepada makna yang lebih baik atau sebarang nama yang lain	Jika tanpa sebab yang kukuh daripada Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri adalah tidak dibenarkan
3.	Pertukaran nama kerana makna yang tidak elok	Permohonan pertukaran kerana nama mempunyai makna yang tidak elok boleh dipertimbangkan oleh panel sekiranya terdapat bukti yang mencukupi dikemukakan
4.	Pertukaran agama daripada Islam kepada bukan Islam atau pertukaran nama Islam kepada nama bukan Islam	Perintah Mahkamah Syariah atau surat pengesahan keluar daripada agama Islam yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri
5.	Pertukaran nama kerana memasukkan gelaran keturunan	Kad Pengenalan ibu, bapa dan adik-beradik satu keturunan bagi membuktikan beliau berketurunan sepertimana gelaran tersebut

ENAKMEN FATWA 2004 - (*samb.*)*(Tambahan)***9.0 PENOLAKAN PERMOHONAN PINDAAN NAMA**

- (i) Permohonan pertukaran tersebut dipercayai bertujuan **menyembunyikan identiti sebenar** atau boleh dianggap bertujuan sedemikian;
